



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 4/2021**

**PROSES PENGETAHUAN SALINAN DOKUMEN HAK MILIK KELUARAN  
KEPADATUAN PUNYA BERSAMA DI BAWAH SEKSYEN 343 KANUN TANAH  
NEGARA [AKTA 828]**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2021**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 4/2021
Disediakan oleh	Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Tanah, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 10, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-88712697
Faks	03-88903242
E-mel	<a href="mailto:bppt@jkptg.gov.my">bppt@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 4/2021**

**Proses Pengeluaran Salinan Dokumen Hak Milik Keluaran Kepada Tuan Punya  
Bersama Mengikut Subseksyen-subseksyen 343  
Kanun Tanah Negara [Akta 828]**

**TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk menasihati Pendaftar dan Pentadbir Tanah berhubung perkara-perkara yang berkaitan dengan prosedur pengeluaran salinan dokumen hak milik keluaran (DHK) kepada tuan punya tanah bersama.

**PANDUAN PELAKSANAAN**

2. Peruntukan subseksyen 342(1) Kanun Tanah Negara [Akta 828] (KTN) memperuntukkan bahawa maksud “kepunyaan bersama” ialah pegangan tanah berimilik oleh dua atau lebih orang atau badan dalam bahagian-bahagian yang tidak dipecahkan.
3. Peruntukan subseksyen 343(2) menyatakan jika tiada perjanjian atau persetujuan di antara tuan punya – tuan punya bersama mengenai penjagaan dokumen hak milik keluaran (DHK), maka hak milik tersebut hendaklah disimpan oleh Pendaftar.
4. Peruntukan subseksyen 343(3) membenarkan untuk dikeluarkan kepada mana-mana tuan punya bersama mana-mana tanah berimilik atas permohonan oleh tuan punya bersama itu dan dengan pembayaran fi yang ditetapkan suatu salinan DHK kepada tanah itu yang mengandungi pengendorsan yang bertarikh dan ditandatangani oleh Pendaftar dengan rekod bahawa salinan itu dikeluarkan kepada tuan punya bersama yang dinamakan dalam pengendorsan itu. Endorsan adalah seperti berikut:

*“Salinan dokumen hak milik keluaran kepada ..... pada .....*

*Bertarikh:*

5. Peruntukan subseksyen 343(4) menyatakan Pendaftar hanya boleh mengeluarkan salinan DHK apabila DHK asal telah berada dalam jagaannya atau telah diserahkan kepadanya untuk disimpan sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 343(2).

6. Peruntukan subseksyen 343(5) menyatakan Pendaftar perlu membuat memorial di atas dokumen hak milik daftaran (DHD) yang menunjukkan tarikh pengeluarannya dan tuan punya bersama yang atas namanya salinan tersebut dikeluarkan. Endorsan adalah seperti berikut:

*“Salinan dokumen hak milik keluaran kepada ..... pada .....*

*Bertarikh:*

7. Peruntukan subseksyen 343(6) menyatakan salinan DHK tersebut hanya boleh digunakan oleh tuan punya bersama yang kepadanya ia dikeluarkan untuk menguatkuaskan maksud pindah milik atau mewujudkan gadaian atau mewujudkan apa-apa lien di bawah seksyen 281 berkenaan bahagian yang tak dipecahkan tuan tanah bersama itu. Bagi maksud-maksud yang dinyatakan, salinan DHK itu hendaklah menjadi DHK bagi bahagian yang tidak dipecahkan tuan tanah bersama tersebut.

8. Peruntukan subseksyen 343(7) menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah menyimpan salinan DHK apabila ia dikemukakan untuk tujuan pendaftaran instrumen pindah milik bahagian yang tidak dipecahkan, dan apabila selesai urusan pendaftaran instrumen pindah milik bahagian yang tidak dipecahkan itu, Pendaftar hendaklah memusnahkan salinan DHK tersebut dan membuat memorial di atas DHD bahawa salinan DHK itu telah dimusnahkan. Endorsan adalah seperti berikut:

*“Salinan dokumen hak milik keluaran kepada ..... pada ..... telah dimusnahkan”*

*Bertarikh:*

9. Dalam memproses permohonan untuk pengeluaran salinan DHK, Pendaftar hendaklah memastikan DHK asal diserahkan kepadanya oleh tuan punya bersama bagi tujuan penjagaan dan penyimpanan sama ada disebabkan ketiadaan persetujuan atau perjanjian di antara tuan-tuan punya bersama mengenai siapa yang patut menjaga dan menyimpannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 343(2), atau diserahkan kepadanya untuk disimpan, atau telah diperolehi oleh Pendaftar untuk penyimpanannya melalui notis kepada mana-mana tuan punya bersama atau mana-mana orang yang menyimpan atau mengawalnya pada masa permohonan di bawah subseksyen 343(3) dikemukakan kepadanya.


10. Antara tindakan yang boleh diambil oleh Pendaftar adalah dengan menguatkuaskan penggunaan notis yang bersesuaian bagi mendapatkan dan menyimpan DHK sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 343(4). Ini bagi membolehkan Pendaftar mengeluarkan salinan DHK kepada mana-mana tuan punya bersama yang memerlukan salinan DHK untuk tujuan pindah milik, gadaian

atau lien sahaja. Kegagalan mana-mana tuan punya bersama atau mana-mana orang yang menerima notis tersebut untuk menyerahkan DHK asal kepada Pendaftar, maka pihak tersebut telah melakukan satu kesalahan di bawah subseksyen 424(1) KTN. Contoh notis adalah seperti di **Lampiran A**.

### **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

11. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 6 Tahun 1985 bertajuk Pengeluaran Salinan Dokumen Hakmilik Keluaran Kepada Tuanpunya Bersama dengan ini **dibatalkan**.

12. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD)  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
No. Fail : JKPTG/970/100-1/7/1(43)  
Tarikh : 26 Oktober 2021

**Lampiran A**

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN HAK MILIK KELUARAN (DHK)**

(Subseksyen 343(4))

Kanun Tanah Negara

Kepada .....

Yang beralamat di .....

Bahawasanya adalah perlu bagi saya mengarahkan kamu untuk mengemukakan bagi tujuan simpanan dokumen hak milik keluaran yang berikut berhubungan dengan tanah berimilik seperti Jadual berikut -

Jadual

Daerah	*Bandar/Pekan/Mukim	Perihal dan No. Hak Milik	*No. Lot/PT	Rekod Ketuanpunyaan

\*Potong sebagaimana yang sesuai

Dan bahawasanya saya ada sebab mempercayai –

\*(a) bahawa dokumen tersebut ada dalam milik atau kawalan kamu;

\*(b) bahawa kamu ada maklumat berkenaan dengan di mana adanya dokumen tersebut.

Maka, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh subseksyen 343(4) Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki kamu, dalam tempoh ..... dari tarikh penyampaian notis ini supaya \*mengemukakan/memaklumkan dokumen/keberadaan dokumen tersebut untuk tujuan penyimpanan/tindakan lanjut oleh Pejabat ini.

Dan ambil perhatian bahawa jika, tanpa sebab yang munasabah, kamu gagal \*mengemukakan/memaklumkan dokumen/keberadaan dokumen tersebut dalam tempoh yang dinyatakan maka kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 424(1) Kanun Tanah Negara.

Bertarikh pada ..... haribulan..... 20.....

.....  
Pendaftar/Pentadbir Tanah

---

\*Potong sebagaimana yang sesuai